

Pg. P.U. 22.

AKTA KERAJAAN TEMPTAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PASAR-PASAR 1980
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

171/76.

SEBAGAI menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan
pemakaian.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pasar-Pasar 1980.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

'Majlis' ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

'Pegawai Perlesenan' ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Majlis dan termasuk timbalannya;

'Tapak' ertinya mana-mana ruang yang diuntukkan di dalam kawasan sesebuah pasar dan digunakan untuk penjualan sebarang benda yang diluluskan oleh Pegawai Perlesenan;

'Pasar Prebet' ertinya pasar selain dari pasar awam dan termasuk pasar mini dan pasaraya;

'Pasar Awam' ertinya pasar yang dimiliki, dipajak atau disenggarakan oleh Majlis;

'Pegerai' merujuk kepada seseorang di dalam sesebuah pasar awam yang dibenarkan menghuni sesebuah gerai atau tapak di situ dan mempunyai lesen semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Perlesenan untuk menjual di dalam pasar awam itu, dan di dalam pasar prebet merujuk kepada seseorang yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar prebet itu untuk menjual di dalam pasar prebet itu dan dalam kedua-dua hal termasuk orang yang menjaga gerai atau tapak sedemikian;

'Gerai' termasuk sesuatu tapak.

Lesen untuk
pasar prebet.

3. Sesiapapun tidak boleh mengadakan, mengendali atau menjalankan pasar prebet di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Perlesenan di bawah undang-undang kecil ini.

Kehendak-
kehendak
dalam
bangunan-
bangunan yang
dilesenkan
untuk pasar-
pasar prebet.

4. (a) Tembok-tembok hendaklah mempunyai kemas yang baik dengan permukaan yang licin yang mana boleh dicuci dengan mudah dan cepat tanpa unjuran-unjuran atau alkob-alkob atau sudut-sudut yang mudah mengumpul habuk.

(b) Lantai-lantai hendaklah dibuat dari bahan kukuh yang tak telapair yang dikemaskan dengan simen licin dan dicerunkan supaya semua cecair boleh mengalir dengan mudah ke parit-parit.

(c) Parit-parit hendaklah dibina dari bata dengan beralaskan simen yang baik dan hendaklah berbentuk setengah bulatan atau dibina dari paip-paip tanah separuh jenis gerlis dan hendaklah mempunyai garispusat tidak kurang dari enam inci serta hendaklah cukup bilangan dan cerunnya supaya dapat mengalirkan semua air dan lain-lain cecair. Parit-parit seperti itu kecuali di mana ianya merintang kaki lima hendaklah ditutup hanya dengan papan yang boleh diangkat atau lain-lain bahan dan hendaklah

tidak ditutup dengan lain-lain lekapan atau perkakas berat. Parit-parit atau paip-paip untuk mengalirkan air paip atau air mandi atau najis atau barang kumbahan kecuali paip-paip tanah yang dibina dengan sempurna tidak boleh dibina melalui bangunan itu.

(d) Lantai-lantai tingkat-tingkat atas hendaklah dibina dengan sempurna dari simen atau dari papan-papan lantai yang rapi yang berlidah atau disambung sehingga ianya kedap air.

5. (a) Di sesebuah pasar prebet dimana daging atau ikan dipotong, disiang, disimpan, dipamir atau didedah untuk jualan, dinding-dinding hendaklah dibina setinggi 1.8 meter (enam kaki) dari lantai dan hendaklah dilekatkan dengan genting gerlis putih, bata, gerlis atau lain-lain bahan tak telapair sepertimana yang diluluskan oleh Pegawai Perlesenan. *maksud*

Kebendak
untuk
penjualan
daging dan
ikan.

(b) Semua meja, kaunter, bangku atau tempat pamir yang digunakan untuk mempamirkan bagi penjualan sebarang daging atau ikan hendaklah dilekap diatasnya marmar, genting putih gerlis atau kaca dan hendaklah dibasuh dengan sabun dan air sekurang-kurangnya sekali sehari.

(c) Semua meja, kaunter, bangku atau tempat pamir yang digunakan untuk penjualan buah-buahan atau sayur-sayuran hendaklah dibasuh dengan sabun dan air sekali sehari.

(d) Cakuk-cakuk untuk menggantungkan sebarang daging atau ikan yang dipamirkan untuk jualan hendaklah diletak ke belakang sekurang-kurangnya 1 meter ($3\frac{1}{2}$ kaki) dari beranda atau lorong kakilima dan hendaklah dibuat dari bahan tahan karat dan hendaklah ditukar apabila diarahkan oleh Pegawai Perlesenan.

(e) Buah-buahan, sayur-sayuran segar dan makanan bermasak tidak boleh dipamirkan untuk dijual di kaunter atau bangku yang sama untuk daging atau ikan.

(f) Tong-tong ais dari jenis yang diluluskan hendaklah diadakan sekiranya dikehendaki oleh Pegawai Perlesenan.

6. Bekalan air bersih mestilah boleh didapati sentiasa di bangunan itu dan ianya mestilah didapati dari bekalan air awam.

Bekalan Air.

7. Pemegang lesen sesebuah pasar prebet mestilah menepati kehendak berikut:

Kebendak-
kebendak
kebersihan.

(a) Ia mestilah menyebabkan semua sampahsarap diangkut dan diletakkan di dalam bekas-bekas yang bertudung yang disediakan untuk maksud ini, dan hendaklah menyebabkan semua bekas itu dikosong dan dibersihkan seberapa kerap yang perlu supaya bangunan itu bersih pada setiap masa tetapi tidak sekali-kali kurang daripada sekali sehari.

(b) Pada masa-masa yang diarahkan oleh Pegawai Perlesenan, segala barang yang mudalih hendaklah diubah dari bangunan yang dilesenkan itu, dinding-dinding, lantai-lantai, siling-siling dan bumbung-bumbung hendaklah disapu dan segala kekotaran dan sampahsarap diangkut, dan seluruh bangunan itu dibersihkan, dicat atau disapukapurkan dengan rapi, dan semua pembaikan-pembaikan yang perlu hendaklah dibuat kepada bangunan itu.

(c) Segala makanan untuk dijual mestilah disimpan dengan bersih dan dilindungi dengan berkesan dari lalat-lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran dan benda, atau barang lain yang merbahaya.

- (d) Segala perkakas yang dipakai dalam bangunan itu; hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan bebas dari sebarang keladak yang merosak atau mencemarkan.
- (e) Sesuatu barang bertilam atau pakaian tidak boleh disangkut atau disimpan di mana-mana bahagian pasar prebet.
- Barang-barang haram.
- Syarat-syarat untuk pengeluaran lesen-lesen pasar prebet.
8. (a) Bagi sesebuah pasar prebet, Pegawai Perlesenan boleh menetapkan:
- (i) bilangan maxima gerai-gerai, tapak-tapak atau lot-lot yang boleh diadakan atau diuntukkan dalam pasar prebet itu;
 - (ii) kedudukan dalam kawasan pasar prebet di mana gerai-gerai atau tapak-tapak boleh diadakan atau ditandakan;
 - (iii) jenis makanan bermasak atau tidak bermasak, minuman atau barang-barang yang dijual atau akan dijual dalam sesuatu bahagian pasar prebet, dan
 - (iv) lain-lain kehendak yang difikirkan perlu oleh Majlis.
- (b) Pegawai Perlesenan boleh mengeluarkan lesen-lesen untuk pasar-pasar prebet mengikut syarat-syarat yang difikirkan patut olehnya.
- Permit gerai yang dikehendaki dalam pasar awam.
9. (a) Sesiapapun tidak boleh menjual atau mendedah atau menyimpan untuk jualan binatang-binatang atau daging, ikan, ayam-itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain barang makanan manusia yang mudah busuk atau sebarang pakaian, barang dagangan atau barang-barang lain di mana-mana bahagian sesebuah pasar awam kecuali dalam gerai atau tapak yang ia telah diberi kebenaran untuk menghuni dan lesen untuk menjual dikeluarkan oleh Pegawai Perlesenan.
- (b) Pegawai Perlesenan hendaklah menyimpan satu Daftar yang mengandungi butir-butir yang berkaitan dengan semua pegerai itu.
- Daftar pegerai-pegerei.
10. (a) Seseorang pemegang lesen sesebuah pasar prebet hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di sesuatu tempat yang jelas dalam pasar itu.
- (b) Seseorang pegerai dalam sesebuah pasar awam hendaklah mempamerkan lesennya di sesuatu tempat yang jelas dalam gerainya, dan
- (c) Seseorang pegerai sesuatu tapak dalam sesebuah pasar awam hendaklah menyimpan lesennya di tubuh badannya atau di mana-mana tempat yang membolehkannya menunjukkannya apabila diminta.
- Mempamerkan lesen/permit-permit.
11. (a) Seseorang pegerai dalam mana-mana pasar awam hendaklah pada setiap masa berada di gerai atau tapaknya serta mengendalikan atau menyeliaikan urusan perniagaan di gerai atau tapaknya kecuali ia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sebab-sebab yang berpatutan.
- (b) Seseorang pegerai dalam mana-mana pasar awam boleh dengan kebenaran Pegawai Perlesenan secara bertulis menggajikan seorang pembantu yang dibenarkan yang nama dan gambarfotonya hendaklah dilekapkan kepada permit di bawah nama dan gambarfoto pemegang permit itu. Pegerai itu adalah bertanggungjawab bagi tindakan-tindakan pembantunya itu dan dan hendaklah berada di gerainya dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari.
- Pegerai mestilah ada di gerainya.

(c) Di mana seseorang pegerai di mana-mana pasar awam meninggalkan Pulau Pinang untuk tempoh selama lebih dari tiga puluh (30) hari, ia hendaklah melantik seorang penama sebagai menggantikannya dengan mendapat perlulusan Pegawai Perlesenan secara bertulis terlebih dahulu.

Melantik penama.

(d) Pegawai Perlesenan tidak boleh, kecuali dalam keadaan yang dianggapnya sesuai, memberi sebarang perlulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (c) undang-undang kecil ini bagi tempoh yang melebihi enam (6) bulan.

(e) Bayaran sebanyak \$5.00 hendaklah dibayar oleh pegerai untuk melantik seorang penama.

(f) Seseorang pegerai di dalam mana-mana pasar awam tidak boleh menyerahak, memajak, menyewa atau menyewa kecil gerainya.

Gerai hendaklah jangan dipajak, disewakan.

12. Pegawai Perlesenan dalam kes pasar awam, dan pegerai pasar prebet dalam kes pasar prebet, boleh membahagikan berbagai-bagai bahagian pasar awam atau pasar prebet itu mengikut keadaannya, untuk jualan berbagai-bagai jenis makanan ber-masak atau tidak ber-masak, minuman, benda-benda atau barang-barang, dan sesiapa pun tidak boleh mendedah untuk jualan atau menjual makanan, minuman, benda-benda atau barang-barang selain dari di dalam bahagian yang telah dikhaskan untuk penjualan makanan, minuman, benda-benda atau barang-barang itu.

Mengatur tempat untuk menjual.

13. Pasar-pasar awam hendaklah dibuka mengikut waktu yang diarah oleh Pegawai Perlesenan, dan kecuali dengan kebenaran khas Pegawai Perlesenan, sesiapa pun tidak boleh berada di dalam pasar awam di waktu pasar itu ditutup.

Waktu pasar awam.

14. (a) Di mana bekalan air disediakan dalam mana-mana pasar awam, sesiapa pun tidak boleh membazirkan air, dan semua orang hendaklah mematuhi arahan-arahan yang mungkin diberi oleh Pegawai Perlesenan atau sesiapa yang diberikuasa olehnya.

Tidak boleh membazirkan air.

(b) Pegerai atau sesiapa yang ada hubungan dengan penjualan makanan atau minuman tidak boleh menyediakan untuk tujuan meminum, atau digunakan untuk memasak atau membasuh atau bagi sebarang tujuan berhubung dengan perniagaannya, air dari pili air atau lain-lain punca dalam tandas awam atau prebet.

Penggunaan air yang diperolehi dari tandas adalah dilarang.

15. (a) Setiap pegerai hendaklah mempamerkan dengan jelas tanda-tanda harga bagi setiap barang yang dipamerkan untuk dijual di gerainya.

Mempamerkan tanda harga.

(b) Setiap pegerai hendaklah menjual barang-barang itu mengikut harga yang dinyatakan di atas tanda harga itu.

16. Sesiapa pun tidak boleh menyuntik air atau cecair yang lain ke dalam sebarang daging yang dimaksudkan untuk dijual atau mengembungkannya dengan angin; dan sesiapa pun tidak boleh menjual atau menawarkan atau mendedahkan untuk dijual atau menyebabkan ditawarkan atau didedahkan untuk dijual sebarang daging yang dikembungkan dengan angin atau yang mana air atau cecair yang lain telah disuntik ke dalamnya.

Mengembungkan daging.

17. Sesiapa pun tidak boleh menjual atau mendedah untuk dijual atau menyebabkan untuk dijual, ditawarkan atau didedahkan untuk dijual mana-mana bahagian binatang yang telah disembelih di tempat lain selain dari di rumah sembelih awam atau berlesen. Undang-undang kecil ini tidak terpakai bagi rusa atau binatang-binatang liar yang lain.

Hendaklah dijual daging yang disembelih di rumah-rumah sembelih berlesen sahaja.

Penjualan makanan yang tak baik adalah dilarang.

18. (a) Sesiapapun tidak boleh mendedah untuk dijual atau menjual di dalam mana-mana pasar sebarang barang makanan atau minuman yang tak baik untuk makanan manusia.

(b) Pegawai Perlesenan atau mana-mana pegawai lain yang diberikaua secara bertulis dengan sewajarnya bagi pihak Majlis boleh menyita, memeriksa mana-mana binatang, burung, daging ikan atau buah-buahan, sayur-sayuran yang tak terpakai lagi, lain-lain barang makanan atau minuman yang busuk, tak baik atau sesuatu yang tidak sesuai untuk makanan manusia kecuali pada pendapat Pegawai Perlesenan atau pegawai yang lain barang-barang yang disita itu patut dimusnahkan, maka barang-barang itu hendaklah dimusnahkan dengan serta merta.

Tanggungjawab pemegang lesen atau pemegang pajak.

19. Pemegang lesen mana-mana pasar prebet atau, pemegang pajak, jika pasar awam atau mana-mana bahagiannya dipajakan, hendaklah mengambil kerja beberapa orang yang mencukupi untuk membasuh dan menjaga pasar itu supaya bersih sehingga memuaskan hati Pegawai Perlesenan, dan hendaklah bertanggungjawab bagi semua kehilangan atau kerosakan terhadap mana-mana harta Majlis di dalam pasar itu.

Membersihkan gerai.

20. Penghuni setiap gerai hendaklah menjaga gerai itu supaya bersih dan dalam keadaan yang baik, dan sehari dalam setiap minggu yang akan ditetapkan oleh Pegawai Perlesenan, pegerai itu hendaklah mengubah semua barangnya atau lain-lain barang dari gerai-gerai atau tapak-tapaknya dan hendaklah membersihkan gerainya.

Membersihkan gerai-gerai daging dan ikan pada tiap-tiap hari.

21. Setiap peniaga ikan dan daging hendaklah membersihkan gerai, belok gerai, lantai gerai dan semua pasangan dan bekas-bekas yang ada di dalamnya sekurang-kurangnya sekali sehari, dan menjaganya supaya bersih.

Kawasan sekeliling gerai hendaklah dijaga dalam keadaan bersih.

22. Setiap pegerai hendaklah menjaga sebarang lorong, ruang lalulalang atau kawasan berhadapan, di belakang atau di tepi gerai atau tapak perniagaannya supaya bersih dan memuaskan hati Pegawai Perlesenan.

Kebersihan pasar dan gerai-gerai.

23. Setiap pegerai di dalam sesebuah pasar awam atau pasar prebet hendaklah menjaga bangsal, gerai, kurungan atau tempatnya dan kawasan di sekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih.

Bekas-bekas dan makanan hendaklah ditung.

24. Setiap pegerai hendaklah :

- (a) menyimpan semua makanan, samada dimasak atau tidak dimasak, di dalam keadaan yang bersih supaya ianya tidak terdedah kepada lalat, vermin, serangga, habuk, debu atau benda lain yang merbahaya, jirim atau benda;
- (b) membungkus semua makanan untuk pelanggan-pelanggan dengan menggunakan kertas, atau benda lain yang bersih dan tidak tercemar dengan apa cara juapun;
- (c) menyimpan semua perkakas dan bekas yang digunakan di dalam perniagaannya di dalam keadaan yang bersih serta bebas dari sebarang pencemaran;
- (d) menjaga diri dan pakaiannya supaya sentiasa bersih; dan
- (e) mengecat gerainya seberapa kerap yang ia diarahkan berbuat demikian oleh Pegawai Perlesenan.

25. (a) Setiap pegerai hendaklah menyedia dan menyenggara-
kan tong-tong sampah yang mencukupi, elok dan bertudung me-
ngikut jenis dan bahan yang diluluskan oleh Pegawai Perlesenan. Membuangkan
sampahsarap.

(b) Pegerai ataupun orang lain tidak boleh membuang atau
menyebabkan dibuang, sebarang benda buangan, sampahsarap
atau jirim atau benda lain yang dibuangkan olehnya di mana-
mana tempat, selain dari di dalam tong sampah yang sedemikian.

(c) Semua sampahsarap yang mudah busuk atau sampahsarap
jenis pejal hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau
bekas lain yang ringan sepertimana yang diluluskan oleh Pegawai
Perlesenan sebelum dibuangkan ke dalam sesebuah tong sampah.

(d) Setiap pegerai hendaklah menentukan yang semua sampah-
sarap yang terkumpul semasa menjalankan perniagaannya itu
dibuangkan dari masa ke semasa ke dalam sebuah tong sampah
awam yang disediakan untuk tujuan itu.

(e) Seseorang pegerai tidak boleh menyebabkan atau mem-
benar dibuang, ditumpah, ditabur atau dicurahkan sebarang darah,
air masin, cecair buangan atau benda lain yang tidak enak ke
dalam sebarang longkang atau di atas sebarang lantai pasar yang
berkenaan kecuali di dalam tempat-tempat yang ditentukan untuk
tujuan sedemikian oleh Pegawai Perlesenan.

(f) Sekiranya sebarang pembicaraan berhubung dengan se-
barang pelanggaran peruntukan-peruntukan perenggan (b) di
dalam undang-undang kecil ini, menunjukkan bahawa sebarang
benda buangan, sampahsarap atau bahan lain atau benda telah
tidak dibuang ke dalam sebuah tong sampah, tetapi di dalam
atau di atas sebarang kawasan lalulalang, longkang, halaman
atau tempat lain yang betul-betul di depan, di belakang atau
di tepi sesebuah gerai atau tapak, adalah dianggapkan, melainkan
dibuktikan sebaliknya, bahawa ianya dibuangkan di dalam atau
di atas tempat itu, ataupun dengan kebenaran pegerai yang gerai
atau tapaknya terletak paling dekat dengan benda buangan,
sampah, atau bahan atau benda lain.

26. Seseorang pegerai di dalam mana-mana pasar awam tidak Galangan
boleh:

(a) meletak, berdiri atau menempatkan gerai ataupun tapak-
nya melampaui had-had yang diuntukkan kepadanya, dan
kajang atau bumbung pula tidak boleh melampaui tiga-
puluh (30) sentimeter dari gerai atau tapak tersebut;

(b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, benda
jualan atau benda lain, bekas-bekas ataupun benda-benda
berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamir atau
didedahkan untuk jualan di atas mana-mana tangga,
"gangways", kawasan lalulalang atau lorong-lorong di
dalam pasar, atau di sebelah atas atau merintangi mana-
mana parit atau bahagiannya di dalam pasar yang ber-
kenaan;

(c) menyebabkan atau membenarkan benda-benda jualan, barang
atau benda-benda lain, bekas-bekas atau benda-benda
yang berkaitan dengan perniagaannya menjulur me-
lampaui had-had gerai atau tapak yang diuntukkan ke-
padanya;

(d) menyebabkan sebarang galangan di dalam mana-mana
pasar ataupun di dalam mana-mana jalanraya, ruang

atau jalan yang menuju kemana-mana pasar dengan sebarang kenderaan, barangan, peti, bakul, kereta sorong atau benda yang lain;

- (e) mendirikan sebarang peti, rak, para atau sebarang binaan di atas gerai atau tapaknya yang tingginya lebih dari 2.4 meter dari aras bumi atau menimbun serta menyusun barang-barang, peti-peti bungkusan-bungkusan bakul atau lain-lain barang di atas gerai atau tapak itu melampaui tinggi yang tersebut di atas.

Halangan
di parit-parit
dan kawasan
lalulalang.

27. Sesiapapun tidak boleh mempamirkan sebarang barang jualan di kawasan lalulalang atau di atas parit dalam sesebuah pasar, dan sebarang papan, peti, bakul atau lain-lain barang tidak boleh diletak di dalam, di atas atau merintang sebarang parit atau kawasan lalulalang.

Teduh-matahari
dan pindaan.

28. Sesiapapun tidak boleh membina sebarang teduh-matahari, skrin, sekatan-sekatan atau menjalankan sebarang kerja-kerja pindaan atau tambahan terhadap mana-mana gerai tanpa keizinan Pegawai Perlesenan secara bertulis.

Larangan
menggunakan
kereta-kereta
sorong yang
beroda besi.

29. Sesiapapun tidak boleh menggunakan sebarang kereta tolak atau kereta sorong yang beroda besi bagi tujuan membawa barang-barang dalam sesebuah pasar awam.

Kemasukan
kenderaan.

30. Sesiapapun tidak boleh memandu sebarang kenderaan bermotor atau membawa sebarang basikal atau kenderaan lain ke dalam sesebuah pasar awam kecuali diberi kuasa secara bertulis oleh Pegawai Perlesenan.

Api.

31. (1) Api tidak boleh dinyalakan dan sebarang kerja memasak air atau makanan tidak boleh dijalankan dalam sesebuah pasar, kecuali di tempat atau tempat yang ditentukan oleh Pegawai Perlesenan tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dikenakan-nya.

Mempersiang-
kan ayam/itik.

- (2) Ayam-itik tidak boleh dipersiapkan dalam sesebuah pasar, kecuali di tempat atau tempat-tempat sepertimana yang ditentukan oleh Pegawai Perlesenan tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dikenakan-nya.

Menyalah-
gunakan
gerai.

32. Sesiapapun tidak boleh duduk, berdiri, baring atau tidur dalam sebarang gerai dalam sesebuah pasar.

Gangguan.

33. Sesiapapun dalam sesebuah pasar tidak boleh:

- (a) melakukan gangguan;
- (b) meludah di atas lantai, gerai atau di lain-lain bahagian di dalam pasar;
- (c) membuang sebarang sayur-sayuran, najis binatang, sisa-sisa daging, sampahsarap atau lain-lain benda yang busuk ke atas sebarang gerai, lorong, ruang lalulalang, tangga atau di mana-mana bahagian di dalam pasar itu, kecuali ke dalam sebuah tong sampah atau bekas;
- (d) membela anjing atau apa-apa binatang, atau membawa ke dalam sesebuah pasar anjing atau apa-apa binatang lain yang diikat dengan tali atau sebaliknya, atau dengan sengaja membenarkan atau mengizinkan anjing atau binatang lain mengikutnya masuk ke dalam sesebuah pasar.

Anjing,
haiwan
dilarang.

34. Sesiapapun tidak boleh meminta sedekah atau mendedah atau menunjukkan kudis, luka, kesakitan atau kecacatan anggota. Pegawai-pegawai Majlis hendaklah mengusir orang-orang seumpama itu dari pasar-pasar, dan orang-orang seumpama itu tidak boleh melibatkan diri atau membantu dalam sebarang urusan perniagaan. Mengemis.
35. Sesiapapun yang mengetahui bahawa ia menyidap penyakit yang berjangkit atau membawa kuman penyakit yang berjangkit tidak boleh melibatkan diri dalam penjualan makanan dalam sebarang pasar; dan sesiapa yang berbuat demikian, jika dikehendaki oleh Pegawai Perlesenan, adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan doktor. Orang-orang berpenyakit.
36. Sesiapapun tidak boleh mengganggu sebarang pemasangan elektrik atau air dalam sesebuah pasar awam. Mengganggu pemasangan-pemasangan elektrik dan air.
37. Sesiapapun tidak boleh menghalang mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa dari memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian sesebuah pasar pada bila-bila masa. Kuasa-kuasa pemeriksaan.
38. Pegawai Perlesenan boleh mengusir atau menyebabkan diusir dari sesebuah pasar awam sesiapa atau orang gajinya itu yang dituduh melakukan sebarang kesalahan atau melanggar sebarang undang-undang kecil berhubung dengan pasar-pasar dan boleh menghalang orang seumpama itu atau orang gajinya dari menjalankan sebarang perniagaan selanjutnya dalam pasar itu atau menghuni gerai, kedai atau tempat yang lain di situ dan boleh menamatkan pajakan atau pemegangan yang orang itu mempunyai dalam sebarang gerai, kedai atau tempat yang lain. Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menahan pemajak.
39. Alat-alat atau sambungan-sambungan elektrik tidak boleh dipasang atau disambung oleh seseorang pegerai dalam sesebuah pasar awam tanpa mendapat perlulusan secara bertulis Pegawai Perlesenan, terlebih dahulu. Pegerai hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan bagi kerja-kerja sambungan, pendawaian atau pemasangan yang dijalankan. Pemasangan bagi alat-alat dan sambungan elektrik.
40. (a) Bayaran yang kena dibayar untuk mendapatkan kebenaran bagi menghuni sesebuah gerai atau tapak dalam sesebuah pasar awam dan bayaran untuk mengeluarkan lesen kepada semua yang ada di dalamnya adalah sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa. Bayaran.
- (b) Bayaran yang kena dibayar bagi lesen sesebuah pasar prebet adalah sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
41. Sekiranya Pegawai Perlesenan membenarkan sebarang pindahmilik sesebuah tapak dalam sesebuah pasar awam, bayaran yang dikenakan ialah \$10.00. Memindahmilik tapak-tapak.
42. Bayaran penggantian untuk lesen adalah \$5.00. Bayaran Penggantian untuk Lesen.
43. (1) Sesiapa yang melanggar mana-mana perkara dalam Undang-undang Kecil ini adalah salah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya. Denda.

Sitaan.

(2) Mana-mana gerai, tapak, meja, tempat pamir atau lain-lain bekas bersama-sama dengan sebarang alat dan makanan, minuman atau barang-barang untuk jualan samada ianya kelihatan terbiar atau bukan dipunyai atau kelihatan dipunyai atau dimiliki oleh seseorang yang kelihatan sedang melakukan atau telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil sebelum ini boleh disita oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua secara am atau dalam sesuatu kes yang tertentu dan diubah untuk ditahan di mana-mana depò Majlis dengan risiko pemunya itu untuk menepati arahan Mahkamah.

Dengan syarat apa-apa barang yang mudah rosak yang dirampas dan diubah itu bolehlah diuruskan dengan segera; Dengan syarat juga bahawa apabila sesuatu kesalahan itu di bawah undang-undang kecil ini telah dikompaunkan, apa-apa barang yang telah dirampas dan diubah itu bolehlah diuruskan mengikut cara seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perlesenan; Dengan syarat juga bahawa apa-apa hasil dari jualan barang-barang itu hendaklah dibayar kepada kumpulanwang Majlis.

Pemensuhan.

44. Undang-undang Kecil yang berikut mengenai pasar-pasar adalah dengan ini dimansuhkan:

P.W.
No. 1531/05.
P.W.
No. 1532/05.
P.U. PP.
No. 29/65.

- (a) Municipality of Georgetown, Penang By-laws For The Establishment And Regulation of Markets sepertimana yang dipinda dari masa ke semasa.
- (b) Rural District Council Penang Island Market By-laws 1962.

Diperbuat pada 24hb Januari, 1980.

DATUK MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Disahkan pada 10hb April, 1980.

[PSUK/PP/16881/Bah. 20; R. 50/8/12-1 (H);
PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MARKET BY-LAWS 1980

MUNICIPAL COUNCIL OF PENANG ISLAND

171/76.

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Municipal Council of Penang Island makes the following by-laws:

Citation and application.

1. These by-laws may be cited as the Market By-laws 1980.
2. In these by-laws unless the context otherwise requires—
'Council' means the Municipal Council of Penang Island;
'Licensing Officer' means the person for the time being performing the duties of the Director of Health Services of the Council and includes his deputy;